



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 29 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	PASTIKAN PROJEK SIAP IKUT JADUAL SINGKIR PEMAJU BERMASALAH (KEBUN KOMUNITI USJ14 MENERIMA ANUGERAH KHAS BANDAR BERDAYA HUNI DAN ANUGERAH ANUGERAH KHAS INOVASI LAMAN HIJAU)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBPJ MBSA	- CADANG TAMBAH PUSAT KITAR SEMULA - MPP ZON 7 JUARA KARNIVAL MBSA
2.	THE STAR	MBPJ DBKL	- EXTENDED HOURS FOR PJ NIGHTSPOTS MULLED - DBKL TO DESILT 400m STRECHT OG SG TOBA TO MILIGATE FLOODS
3.	SINAR HARIAN	MBDK	LIMA RESTORAN JIJIK DIARAH TUTUP

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	- LARANG GUNA PLASTIK TIGA HARI - LULUS 254,000 RUMAH SELANGORKU
2.	THE STAR	ENGAGEMENT KEY TO CURBING CHILD DEATHS
3.	SINAR HARIAN	- UNJURAN MET BANJIR MUNGKIN LEBIH BURUK DARIPADA 2014 - BANJIR BURUK BERGANTUNG KEPADA PUSAT CURAHAN MAKSIMUM – PAKAR
4.	KOSMO	- BANJIR TAHUN INI DIJANGKA LEBIH TERUK BERBANDING 2014 - PERSIAPAN LEBIH BAIK HADAPI BANJIR
5.	HARIAN METRO	SALURAN TERSUMBAT SAMPAH PUNCA BANJIR KILAT
6.	BERITA HARIAN	- MASYARAKAT KENA CAKNA, SIAP SIAGA HADAPI CUACA EKSTREM PENYEBAB BENCANA ALAM - KEMPEN KITA GEMPUR USAHA STRATEGIK CEGAH KETIRISAN BARANG KAWALAN DAN SUBSIDI - UTAMAKAN KESELAMATAN NYAWA, KEBAJIKAN MANGSA BANJIR - TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN
7.	NEW STRAITS TIMES	- FLASH FLOODS MOSTLY DUE TO SANITATION ISSUES - MALAYSIA SIGNS OIC ANTI-CORRUPTION PACT
8.	THE SUN	- SELANGOR FIRST TO LAUNCH CARE ECONOMY POLICY - MOST FLASH FLOODS DUE TO SANITATION ISSUES - MANY AVOID HELP DUE TO SOCIAL STIGMA

Pastikan projek siap ikut jadual

Singkir pemaju bermasalah



Borhan bersama pemenang Majlis Anugerah Laman Hijau Selangor 2024 di Pusat Konvensyen Midland, Shah Alam pada 23 November. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan menyenarai hitam ahli lembaga pengarah syarikat pemaju yang gagal menyiapkan projek perumahan mengikut tempoh, tegas EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah.

Mengakui bilangan individu terbabit tidak ramai, beliau memberitahu tindakan tersebut bagi memastikan pembangunan lebih 270 projek rumah di Selangor teratur dan berkesan.

"Masalah berlaku apabila dia (ahli lembaga pengarah) buka syarikat lain tetapi pengarahnya sama. Oleh itu, kita bukan ambil nama syarikat sahaja namun lihat juga lembaga pengarahnya.

"Kita bukan hendak menghalang pemaju tetapi kita ambil pendekatan situasi menang-menang, kita berjumpa semua pemaju sebelum mempersetujui apa keputusan," katanya pada 23 November.

Beliau memaklumkan kira-kira dua atau 0.01 peratus Rumah Selangorku dikategori sebagai projek sakit ekoran kegagalan pemaju menyiapkannya dalam tempoh antaranya berpunca masalah kewangan.

"Salah satu yang belum siap di Morib (Kuala Langat). Harus diingat, Rumah Selangorku bukanlah dibina Kerajaan Negeri sebaliknya pemaju tetapi kita dilihat

gagal akibat kegagalan mereka.

"Negeri tidak lepas tangan dan kita campur tangan isu perumahan di Morib supaya dapat diselesaikan. Kita lihat kewangan pemaju tidak mampu tetapi projek ini boleh diteruskan.

"Kita akan adakan pertemuan antara syarikat, wakil pembeli termasuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Lembaga Perumahan Hartanah Selangor supaya isu ini selesai," katanya.

Pada September, Borhan memaklumkan negeri mahu menjenamakan semula Rumah Selangorku mengikut ketetapan dasar perumahan bagi mengelak tanggapan buruk jika projek gagal disiapkan pemaju.

Beliau menjelaskan ramai beranggapan semua projek perumahan mampu milik itu dimiliki dan dibina sepenuhnya Kerajaan Negeri sedangkan ia sebenarnya diurus pemaju swasta.

Terdahulu, beliau merasmikan Hari Anugerah Laman Hijau Strata Selangor 2024 di sini yang dimenangi Kebun Komuniti Permai Putera, selain Anugerah Khas Pemberdayaan Ekonomi.

Kebun Komuniti USJ14 menerima Anugerah Khas Bandar Berdaya Huni dan Anugerah Khas Inovasi Laman Hijau. Anugerah Khas Komuniti Ceria dimenangi Kebun Komuniti Balai Bomba Pandan Indah.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 29 NOVEMBER 2024

Cadang tambah pusat kitar semula

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya bercadang menambah beberapa lagi pusat kitar semula bagi meningkatkan kesedaran amalan berkenaan dalam kalangan penduduk.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata beberapa kawasan strategik sedang dikenal pasti dengan mengambil kira maklum balas penduduk.

"Kita memang ada cadangan untuk tambah pusat kitar semula kerana pengumpulan sampah semakin hari semakin banyak cuma buat masa ini sedang kenal pasti tempat.

"Ada beberapa tempat kita cadang untuk pasang loji pembakaran sampah (incinerator) tetapi ada bantahan daripada penduduk. Kita akan kaji memandangkan kawasan Petaling Jaya agak padat," katanya pada 21 November.

MPP Zon 7 juara karnival MBSA

SHAH ALAM - Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MPP Zon 7 dinobat sebagai juara keseluruhan Karnival Sukan MPP Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 2024 menewaskan MPP Zon 6 dan MPP Zon 18.

Pemangku Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Madiyan Baweh memberitahu karnival dua hari yang mempertanding sembilan acara itu bertujuan mempererat hubungan komuniti bersama MBSA.

"Sukan antara kaedah berkesan dalam memupuk perpaduan dan membentuk masyarakat harmoni sesebuah komuniti. Semangat kesukanan melahirkan masyarakat sihat dan cergas," katanya pada 24 November.

MPP Zon 10 pula dinobat sebagai juara perbarisan dan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 diikuti MPP Zon 6 (kedua) dan MPP Zon 7 (ketiga).

Larang guna plastik tiga hari

SHAH ALAM - Selangor akan menguat kuasa larangan penggunaan beg plastik pada setiap Jumaat hingga Ahad meliputi setiap premis perniagaan sebagai inisiatif memulihara alam sekitar.

EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin memberitahu perkara berkenaan sedang diteliti termasuk menilai aspek bidang kuasa untuk memastikan tindakan penguatkuasaan berjalan lancar.

"Tahun ini kita adakan bengkel untuk perketat undang-undang, juga penguatkuasaan sebelum tahun depan. Kita mungkin menambah jenis perundangan dan inisiatif termasuk kempen bebas beg plastik.

"Contoh pada Jumaat, Sabtu, Ahad mungkin kita tidak benarkan penggunaan plastik di mana-mana pusat beli-belah, pasar mini untuk kita memperketat penggunaannya," katanya pada 25 November.

Lulus 254,000 Rumah Selangorku

SHAH ALAM - Pembinaan sebanyak 254,606 unit Rumah Selangorku sejak se-dekad lalu membabitkan 448 projek bertujuan membantu rakyat untuk memiliki kediaman sendiri, kata EXCO perumahan.

Datuk Borhan Aman Shah menjelaskan sebanyak 41,196 unit selesai diserahkan kepada pembeli manakala 26,667 unit dalam proses pembinaan dan 186,743 unit lagi dalam fasa perancangan.

Menjelaskan semua unit tersebut termasuk dalam kategori Rumah Idaman dan Rumah Harapan, beliau berkata situasi itu menunjukkan dasar Kerajaan Negeri diterima baik semua pihak.

Katanya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Oktober bersetuju mengecualikan 100 peratus bayaran caj pemajuan sebagai galakan kepada pemaju menyediakan lebih banyak rumah mampu milik.

Memaklumkan hanya satu projek bermasalah iaitu Rumah Selangorku Sentoria di Morib, Kuala Langat melibatkan 778 unit, beliau memberitahu pengecualian itu bersifat kekal dan tidak bertempoh.

Pada Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pentadbirannya menyasar pembinaan lebih 200,000 unit Rumah Selangorku menjelang 2028.

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

29/11
2024

DBKL to desilt 400m stretch of Sg Toba to mitigate floods

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) will desilt part of Sungai Toba in Segambut, Kuala Lumpur, next month as part of its flood mitigation plan in the area.

Segambut MP Hannah Yeoh said 400m of the river near Masjid Al-Ubudiyah was scheduled to be desilted thrice a year.

"The third desilting work for the year was done between Oct 16 and Nov 4.

"However, due to the rainy weather, DBKL has decided to desilt it once more in December," she said.

Yeoh, who is also Youth and Sports Minister, said DBKL had also increased the height of the retention wall by about one metre along that section of the river in the middle of this year.

"This is to increase the water holding capacity along the stretch that is more prone to overflowing when there is heavy rain.

"Flap gates were also installed to prevent drainage water from flowing into the river when water levels rise," she said.

She added that DBKL was also closely monitoring develop-

ments in the vicinity to ensure that sand and mud did not enter the drains or roads.

The Federal Territories Residents Representative Council Sub Zone 4 chairman Budihardi Sabei said that out of more than 400 houses in the vicinity, over 100 were at risk of flooding during a downpour.

"From the 100 houses at risk, at least 10 are at high risk.

"I am grateful for DBKL's effort and hope the developers in the vicinity will ensure that the drains are properly maintained at all times," he said.



Part of Sungai Toba in Segambut, Kuala Lumpur, will be desilted again next month. — SHAARI CHEMAT/The Star

THE STAR

Tarikh: 29 NOV 2024

Extended hours for PJ nightspots mulled

By CY LEE and GRACE CHEN
metro@thestar.com.my

PETALING Jaya City Council (MBPJ) is considering extending the operating hours for entertainment outlets in the city, following requests from stakeholders during a recent tourism workshop.

Mayor Mohamad Zahri Samington said the city council planned to hold a workshop in January with the relevant parties to explore the proposal further.

He said they would discuss the feasibility of longer business hours for entertainment premises besides zoning matters. "During the tourism workshop earlier this month, there was a request from partners to extend the operating hours to 3am, similar to Kuala Lumpur."

"We will engage with all relevant stakeholders, such as associations involved in hotels and food and beverage, state

Stakeholders to be invited to attend workshop in January to discuss proposal, says mayor

government representatives from the Selangor Economic Planning Unit and possibly other local councils for their views," he said after presenting awards to new entrepreneurs during a ceremony at the MBPJ headquarters yesterday.

He added that findings from the workshop would be submitted to the state government, which would make the final decision.

There are 338 licensed entertainment outlets in the city.

Mohamad Zahri said the workshop was initially planned for December but was postponed to January due to the festive season.

"We plan to inform stakeholders in early January so they can participate in the discussion," he said.

The mayor said that currently only four or five entertainment outlets in hotels in Petaling Jaya were allowed to operate until 3am.

Mohamad Zahri also said the current directive on entertainment zones, issued by the Selangor state secretariat in 2008, was 16 years old and needed to be reviewed to reflect current economic conditions and demands.

He said that as part of the study, the city council would consider updating zoning for entertainment areas.

During a full board meeting, the mayor announced that MBPJ was reviewing its penalties for business licence violations.

Under the current system, penalties are imposed cumulatively over the licensure

duration, with deductions on collaterals ranging from 10% for a first violation to a complete forfeiture for a fourth offence.

"We are discussing the possibility of reviewing penalties on an annual basis instead of over the entire licensure period," he said.

Most violations involve outlets operating beyond their permitted hours or issues with employee permits.

On operating permits for traders for the Chinese New Year period, Mohamad Zahri said they would take effect from Dec 26 to Jan 28.

MBPJ has designated 47 lots at four locations for traders to set up stalls in markets in Jalan Othman, Taman Megah, Kampung Sungai Cempaka and Sungai Way.



"During the tourism workshop earlier this month, there was a request from partners to extend the operating hours to 3am, similar to Kuala Lumpur."

Mohamad Zahri Samington

THE STAR

29 NOV 2024

Tarikh:.....

Story and photo by EDWARD
RAJENDRA
edward@thestar.com.my

SELANGOR is ramping up engagement sessions with nurseries and parents to prevent cases of "Forgotten Baby Syndrome" (FBS), where children are unintentionally left in parked vehicles, potentially resulting in fatal outcomes.

State women empowerment and welfare committee chairman Anfaal Saari, who launched the Children's Safety in Car and Family Well-being campaign in March, said conversations with parents and nursery teachers helped to support children's well-being.

"Through the Selangor Nursery Association, we have been organising engagement sessions since June to share practices and experiences to avoid FBS.

"Conversations over a cup of tea allow us to understand what is happening at nurseries as parents are often busy with their jobs, and we work together to support them," she said when met at the State Secretariat Building in Shah Alam.

Anfaal emphasised the importance of collaboration between parents and nurseries.

"Our initiative is a comprehensive campaign. The first phase involved introducing a visual reminder in the form of a sticker designed to prompt parents to check their backseats before leaving their vehicles," she said.

The sticker with words *Pandang Belakang and Di mana Anak Anda Sekarang?* (Look Behind and Where Is Your Child

'Engagement key to curbing child deaths'

Association reaches out to nurseries, parents in Selangor to share practices, spread awareness of Forgotten Baby Syndrome



Shukri says the Children's Safety in Car and Family Well-being campaign is to raise awareness of FBS and not intended to blame anyone.

Now?) is placed on the driver's side window, close to the door handle. Anfaal said the second phase, which started in June, has covered 20 nurseries in Gombak, Selangor and Shah Alam.

Selangor Nursery Association special task committee chief

Shukri Mokles said the association had organised engagement sessions with nurseries and parents to understand their lifestyles.

"Parents are getting busier and people rush around to get things done. Most working



Selangor is ramping up its effort to curb child deaths in vehicles.
— Filepic

parents feel stressed, tired and rushed.

"Our conversations with parents and nurseries help raise awareness of FBS, which happens as a consequence of a momentary lapse in memory rather than neglect," he said when met at the association's office in Section 10, Shah Alam.

Shukri said the engagement sessions initiate discussions where stories are shared and spreads awareness of preventive strategies.

"We want parents to check the backseat and to make it a practice each time an adult exits the vehicle, especially during

changes in routine.

"For the nurseries, we encourage the teachers to check or call a parent if the child is not at the nursery as scheduled," he said.

Shukri clarified that the campaign did not seek to assign blame but instead recognised the pressures of modern life, which could affect memory.

"We also use social media to reach a wider audience. Podcasts have also gained traction.

"Sometimes, we take up booths at local council events to reach out to parents in the area," he said.

THE STAR

Tarikh: 29 NOV 2024



Pengusaha premis didapati tidak menjaga kebersihan tempat penyediaan dan penyimpanan makanan

29/11
(MBDK)

Lima restoran jijik diarah tutup

Gagal pastikan premis
bebas infestasi lipas,
lalat dan tikus

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KLANG

Lima premis makanan mem-
babitkan kedai makan dan
restoran di sekitar Taman
Klang Utama dan Taman Aman
Perdana di sini diarahkan supaya
ditutup selama 14 hari.

Ini berikutan premis ber-
kenaan tidak mencapai
tahap kebersihan yang di-
tetapkan hasil pemantauan
kebersihan oleh Jabatan
Kesihatan Majlis Bandaraya
Diraja Klang (MBDK).

MBDK menerusi satu hantaran di
akaun Facebook pihak berkuasa
tempatan (PBT) itu pada Khamis me-
maklumkan, lima premis itu diarahkan
tutup selama 14 hari di bawah
Peruntukan 62 (1)(b) UUK Pelesenan
Establisymen Makanan (MPK) 2007
kerana didapati tidak sanitasi.

"Pengusaha premis didapati tidak
menjaga kebersihan di tempat pe-
nyediaan dan penyimpanan makan-
an selain gagal memastikan premis
bebas daripada infestasi lipas, lalat
dan tikus.

"Premis diarah tutup bermula 27
November sehingga 10 Disember
ini," menurut MBDK.



Satu daripada lima premis makanan di sekitar Taman Klang Utama dan Taman Aman Perdana, Klang yang diarah tutup selama 14 hari.



Keadaan sebuah restoran yang diarah tutup oleh MBDK.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga
8 malam setiap hari

SINAR HARIAN
Tarikh: 29 NOV 2024

PM tangguh program, utamakan kebajikan rakyat dilanda banjir

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menangguhkan program beliau di Tasik Kenyir, Terengganu yang dijadualkan berlangsung hujung minggu ini untuk memberi keutamaan kepada kebajikan rakyat yang berdepan bencana banjir.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat selepas berbincang dengan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar di Parlimen se-

telah beliau selesai menghadiri sesi soal jawab pada Khamis.

"Mengambil kira situasi banjir terkini yang kian meruncing di Terengganu, saya memutuskan untuk menangguhkan dahu-lu rencana itu.

"Saat ini, kepedulian terhadap kebajikan rakyat yang terkesan dengan bencana ini menjadi keutamaan dan perlu diuruskan sebaiknya," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Anwar turut mendoakan agar mangsa banjir di semua negeri yang terlibat terus tabah dalam mendepani musibah itu.

Sebelum itu di Dewan Rakyat, Perdana Menteri memaklumkan jumlah mangsa banjir meningkat di enam negeri pada pagi Khamis.

"la melibatkan enam negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Johor dan Perak. Kelantan merekodkan mangsa banjir tertinggi setakat ini," katanya.

Menurut Anwar, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) telah diarah untuk memperkemas penyelarasan seluruh jentera agensi Persekutuan dan negeri.

Ahli Parlimen Tambun itu menjelaskan, ia bagi memastikan keselamatan serta kebajikan mangsa banjir dan penduduk di kawasan terkesan menjadi keutamaan sepanjang tempoh Monsun Timur Laut yang bermula November 2024 hingga Mac 2025.

FOTO: BERNAMA

Unjuran MET banjir mungkin lebih buruk daripada 2014

Kedudukan banjir sekitar bandar Kuala Berang, Terengganu berikutan hujan lebat ketika unjuran pada Khamis.



Timbalan Perdana Menteri minta semua pihak siap sedia susulan ramalan MET

Oleh **TUAN BUQHAIKHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Banjir yang sedang melanda Kelantan dan Terengganu di-jangka lebih buruk berbanding bencana tahun 2014.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia berdasarkan unjuran daripada sistem amaran awal Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia).

"Banjir tahun ini dijangkakan lebih buruk daripada tahun 2014 dahulu," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Kecemasan Bencana Banjir bersama agensi di sini pada Khamis.

Menurutnya, fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku di Pantai Timur minggu depan turut memburukkan situasi banjir menyebabkan air sungai tidak dapat keluar ke laut.

"Walaupun pada peringkat awal ini Pahang dan Johor belum terjejas, tetapi

kita jangkakan terjejas di awal Disember, yang mana akan menerima luutan hujan.

"Air sungai juga akan melimpah daripada Terengganu ke Pahang dan sungai daripada Pahang juga akan melimpah ke Johor. Keutamaan kita sekarang adalah Kelantan dan Terengganu," jelas beliau.

Mengulas mengenai situasi banjir di Kelantan, beliau telah berhubung dengan Menteri Besar, Datuk Mohd Nassrudin Daud bagi melancarkan operasi mengkoordinasikan banjir membabitkan kerajaan Pusat dan negeri.

"Setakat ini, Pasir Mas dan juga di Tanah Merah yang paling terjejas. Jadi kombinasi antara semua pihak amat-amat diperlukan," ujarnya.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat memaklumkan agensi dan aset negara dalam kesiapsiagaan tertinggi bagi menghadapi bencana itu.

Katanya, seramai 82,794 pegawai dan anggota daripada lima agensi iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela).

"Sebanyak 5,107 aset darat, air dan udara disediakan bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) selain 30,260 jaket ke-

INFO BANJIR

442 **5**
PPS buka Negeri

61,900
MANGSA

19,128
KELUARGA

Kelantan
PPS Buka: 207
Daerah Terlibat: 10
Mangsa: 50,386
Keluarga: 15,612

Terengganu
PPS Buka: 209
Daerah Terlibat: 7
Mangsa: 9,990
Keluarga: 3,024

Kedah
PPS Buka: 21
Daerah Terlibat: 5
Mangsa: 1,177
Keluarga: 389

Perlis
PPS Buka: 4
Daerah Terlibat: 3
Mangsa: 327
Keluarga: 96

Perak
PPS Buka: 1
Daerah Terlibat: 1
Mangsa: 20
Keluarga: 7

*setakat jam 7.30 malam

selamatan turut tersedia," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaku agensi peneraju kumpulan kerja kebajikan telah bersedia mengaktifkan 8,481 pusat penempatan sementara (PPS) di seluruh negara yang mampu menampung 2,158,748 mangsa.

"Kami mengambil pendekatan luar

kotak yang mana pengerusi Jawatankuasa bencana peringkat daerah dan jajahan boleh menggunakan budi bicara untuk membenarkan penempatan mangsa banjir sebagai PPS berdaftar.

"Ini kerana ada lokasi yang kita tidak jangka berlaku bencana, tetapi kali ini berlaku banjir," katanya.

REKOD MANGSA BANJIR DI MALAYSIA

- 2006**
Negeri terlibat: Johor dan Pahang
Jumlah: 96,273 orang
- 2007**
Negeri terlibat: Johor dan Pahang
Jumlah: 112,469 orang
- 2014**
Negeri terlibat: Kelantan, Pahang
Jumlah: 300,000 orang
- 2017**
Negeri terlibat: Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak, Sabah
Jumlah: 95,929 orang
- 2018**
Negeri terlibat: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan
Jumlah: 68,496 orang
- 2019**
Negeri terlibat: Kedah, Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Pahang, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak, Sabah
Jumlah: 12,511 orang
- 2020**
Negeri terlibat: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan
Jumlah: 40,000 orang
- 2021**
Negeri terlibat: Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Terengganu, Perak
Jumlah: 67,576 orang
- 2022**
Negeri terlibat: Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Perak, Pahang
Jumlah: 70,000 orang
- 2023**
Negeri terlibat: Sarawak, Sabah, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka
Jumlah: 2,292 orang

84 29/11

Banjir buruk bergantung kepada pusat curahan maksimum - Pakar

SHAH ALAM - Kemungkinan situasi banjir yang berlaku di Pantai Timur akan bertambah buruk bergantung kepada pusat curahan maksimum di pesisir dan juga air pasang besar.

Pakar Meteorologi di Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan dan Institut Sains Samudera dan Bumi Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, setakat ini hujan lebat berlaku di pesisiran dan bukan ketika air pasang besar yang dijangka pada 1 hingga 2 Disember 2024.

Bagaimanapun katanya, ramalan hujan lebat yang berlaku hari ini lebih ke pedalaman.

"Jadi buat masa sekarang tidak boleh ramal bahawa banjir akan seburuk atau tidak berbanding tahun 2014. Kita tengok apa terjadi esok (hari ini).

"Kalau pusat hujan lebat masuk ke pedalaman, ia boleh jadi seperti 2014. Paras air naik dengan cepat dan arus air sungai sangat deras hingga tebing runtuh," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah Azizan, banjir kali ini dijangka terkawal berbanding 2014 kerana agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan negeri dilihat sudah bersedia untuk menghadapi banjir.

"Hujan diramal reda pada 30 November ini. Jadi keadaan akan pulih selepas itu sehingga terjadi luruan monsun baharu pula.

"Tetapi Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) jangka mungkin Monsun Timur Laut akan menghasilkan tujuh luruan monsun hingga Mac ini. Jadi, risiko banjir lepas 30 November tetap ada," jelasnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2..9..NOV..2024....

KOSMO 29/11

Banjir tahun ini dijangka lebih teruk berbanding 2014

PUTRAJAYA – Bencana banjir kali ini terutama di negeri-negeri Pantai Timur dijangka lebih buruk berbanding 'bah kuning' pada 2014.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, jangkaan itu dibuat berdasarkan fokus dan ramalan dikeluarkan Jabatan Meteorologi

(MetMalaysia).

"Banjir tahun ini dijangkakan lebih buruk dari tahun 2014 dahulu," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat kecemasan bencana banjir di sini, semalam.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan telah bersedia lebih awal dan melakukan siap-siaga

termasuk mengaktifkan sistem amaran awal oleh MetMalaysia.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan turut memastikan semua pasukan keselamatan lebih bersedia kali ini bagi mengelak keadaan lebih teruk.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berkata, fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku

di Pantai Timur minggu depan akan memburukkan situasi banjir apabila air sungai tidak dapat keluar ke laut.

"Walaupun pada peringkat awal ini di Pahang dan Johor belum terjejas, tetapi kita jangkakan pada awal Disember, Pahang dan Johor akan terjejas yang mana akan menerima luruan hujan.

"Air sungai juga akan melimpah daripada Terengganu ke Pahang dan sungai daripada Pahang juga akan melimpah ke Johor," katanya.

Bagaimanapun, Ahmad Zahid berkata, tumpuan utama ketika ini adalah memantau bencana dan situasi semasa banjir di Kelantan dan Terengganu.

KOSMO

Tarikh: 29 NOV 2024

Persiapan lebih baik hadapi banjir

29/11

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) memperkemas penyelarasan seluruh kekuatan jentera agensi Persekutuan dan negeri bagi menghadapi banjir.

Anwar berkata, langkah itu bagi memastikan tahap keselamatan serta kebajikan mangsa banjir terpelihara sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL)

bermula bulan ini hingga Mac tahun depan.

Katanya, kerajaan juga memberi keutamaan tertinggi kepada penduduk di kawasan terkesan.

"Izinkan saya maklumkan masalah negara iaitu situasi banjir semasa enam negeri terkesan banjir ketika ini (semalam) membabitkan Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Johor dan Perak.

"Setakat 9.32 pagi (semalam), jumlah mangsa ban-

jir meningkat kepada 37,189 mangsa membabitkan 11,385 keluarga di enam negeri dengan 322 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka.

"Kelantan merekodkan mangsa banjir tertinggi membabitkan 30,582 orang (9,223 keluarga) dengan 157 PPS dibuka di sembilan daerah di negeri itu," katanya menerusi pemakluman sebelum Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Ra-

kyat semalam. Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada semua jentera yang mengurus banjir diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Saya ucapkan terima kasih kepada TPM 1 dan Nadma serta seluruh jentera termasuk kerajaan negeri yang memberikan kerjasama serta (menjalankan) persiapan lebih baik tahun ini," katanya.

KOSMO

Tarikh: 29 NOV 2024

Saluran tersumbat sampah punca banjir kilat

Kuala Lumpur: Kebanyakan kejadian banjir kilat di negara ini disebabkan masalah kebersihan, terutama longkang dan saluran tersumbat, kata **Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Aiman Athirah Sabu**.

Menurut beliau, masalah ini memerlukan kesedaran awam di peringkat komuniti untuk sama-sama menangani isu banjir kilat.

"Ia memberi peringatan penting... baru-baru ini, banjir berlaku di Kuala Lumpur disebabkan saluran tersumbat. Jika kesedaran awam dipertingkatkan mengenai kepentingan kebersihan, ia memberi impak positif," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan)

mengenai dapatan hasil perancangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama pelbagai agensi kerajaan berkaitan untuk menyelesaikan isu banjir bagi jangka panjang.

Menjawab persoalan Wan Razali mengenai sama ada KPKT bersedia menggunakan teknologi saliran atau sistem pengaliran air seperti digunakan

di Jepun untuk mengatasi masalah banjir kilat, Aiman Athirah menjelaskan bahawa perkara itu sedang dipertimbangkan.

"Ia memerlukan perbelanjaan besar, tetapi tidak mengapa kerana ini memang dalam perhatian kita dari semasa ke semasa untuk memperbaiki gerak kerja kita dalam menangani masalah banjir kilat," katanya. -Bernama

HARIAN METRO

29 NOV 2024

Masyarakat kena cakna, siap siaga hadapi cuaca ekstrem penyebab bencana alam

29/11
BH

Sehingga petang semalam, jumlah mangsa banjir dilaporkan melebihi 60,000 orang membabitkan hampir 15,000 keluarga di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, Johor dan Perak. Rentetan itu, sebanyak 385 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di negeri berkenaan setakat ini.

Jabatan Meteorologi (METMalaysia) mengeluarkan amaran mengenai ramalan hujan lebat berterusan pada tahap bahaya di Jerantut dan Kuantan, Pahang serta seluruh Terengganu dan Kelantan sehingga hari ini dengan kawasan Tanah Tinggi Cameron, Lipis, Maran, Pekan dan Rompin dijangka menghadapi hujan berterusan tahap buruk.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kini menjalankan langkah proaktif termasuk mengeluarkan sistem amaran awal banjir melalui SMS, memanfaatkan kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), METMalaysia dan syarikat telekomunikasi.

Amaran ini dikeluarkan bertujuan memberi amaran kepada penduduk di kawasan berisiko supaya membuat persediaan awal, bersiap siaga dan segera menyelamatkan diri jika melihat tanda banjir bakal melanda di kawasan tempat tinggal mereka.

Setiap tahun, kerajaan dilaporkan menyalurkan jutaan ringgit bagi melaksanakan projek tebatan banjir, membaik pulih sistem perparitan dan pengairan bagi mengatasi banjir musim tengkujuh namun, keadaan berlaku menunjukkan seperti projek terbabit ikut serta 'tenggelam'.

Keadaan ini seharusnya membuka mata kerajaan serta agensi bertanggungjawab supaya meneliti semula setiap projek dilaksanakan itu sama ada mengikut spesifikasi ditetapkan atau tidak.

Ketika ini, banyak pihak berkuasa tempatan (PBT) turut mula mengeluarkan amaran dan pemakluman arahan penangguhan atau larangan melakukan sebarang aktiviti di kawasan rekreasi tumpuan termasuk bukit, air terjun, tepi pantai dan laut atas faktor keselamatan.

Pada musim monsun ini, penggemar aktiviti mendaki, berkhemah, berbasikal, pandu lasak pacuan empat roda, berenang dan aktiviti lasak dinasihatkan 'berehat' sehingga cuaca ekstrem reda atau tahap risiko mula menurun. Ibu bapa juga perlu meningkatkan pemantauan terhadap anak-anak jangan menjadikan banjir sebagai pesta bermain air.

Penghuni kota pula terutama yang tinggal kediaman di bandar pernah mengalami banjir ekstrem terutama di Lembah Klang dan sekitarnya perlu lebih waspada dengan perubahan musim monsun ini kerana banjir seperti 'tsunami' pernah berlaku pada Disember 2021.

Bencana alam akibat musim monsun kini tidak mengenal negeri, boleh melanda mana-mana lokasi dan mengancam nyawa serta berisiko merosakkan harta benda.

Mendepani ujian musim Monsun Timur Laut ini, selain agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan syarikat konglomerat wajar tampil bersama untuk membantu penduduk terjejas akibat banjir atau bencana alam. Bantuan dan pertolongan seharusnya tidak dibatasi fahaman politik atau warna kulit, sebaliknya memenuhi prinsip perikemanusiaan.

Paling utama, masyarakat terutama penduduk di kawasan berisiko banjir perlu sentiasa cakna, peka dan bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan serta mematuhi arahan dikeluarkan pihak berkuasa demi keselamatan bersama.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 29 NOV 2024

Kempen 'Kita Gempur' usaha strategik cegah ketirisan barang kawalan dan subsidi

29/11/24

KPDN perkuat mekanisme penguatkuasaan, tingkat kesedaran komuniti

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemerkasaan penguatkuasaan inisiatif 'Kita Gempur' adalah langkah kerajaan untuk membina gerakan massa dalam menangani isu ketirisan barang kawalan dan bersubsidi.

Inisiatif ini selaras dengan Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (GEMPUR) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Oktober 2024 di Kota Kinabalu, Sabah.

Inisiatif 'Kita Gempur' menyasarkan kepada kebersamaan pelbagai pemegang taruh meliputi agensi Kerajaan (K), pemain industri (I), pematuan Tatakelola (T) dan partisipasi Awam (A).

Ini kerana ketirisan barang kawalan dan bersubsidi di Malaysia terus menjadi isu kritikal yang memberi kesan besar terhadap kesejahteraan rakyat, dan kestabilan ekonomi negara.

Barangan seperti petrol, minyak masak, gula, dan lain-lain, sering menjadi sasaran penyeludupan ke negara jiran, terutama Thailand dan Indonesia, disebabkan perbezaan harga yang ketara.

Aktiviti ini bukan sahaja merugikan kewangan negara, malah menyukarkan rakyat untuk menikmati manfaat subsidi sepenuhnya.

Pakar ekonomi, Prof Datuk Dr Azali Mohamed, berkata sumber dan kaitan yang terhad dalam agensi penguatkuasaan menyukarkan usaha membanteras kebocoran subsidi secara meluas.

"Sesetengah perniagaan dan individu menyalahgunakan skim subsidi dengan memalsukan kelayakan, seperti menuntut subsidi minyak masak untuk tujuan industri dan sebagainya.

"Di negara seperti Nigeria dan India, subsidi sering gagal sampai kepada penerima yang sepatutnya, akibat rasuah dan ketidakcekapan," katanya kepada BH.

Azali yang juga Naib Canselor Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia, berkata kebocoran barangan subsidi mengurangkan ketersediaan item bersubsidi, menyebabkan kekurangan dan harga yang lebih tinggi di pasaran tempatan.

"Selain itu, dana yang sepa-



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, YB Datuk Armizan Mohd Ali (tengah) turun padang bagi menggerakkan inisiatif Kita Gempur bersama-sama anggota penguat kuasa KPDN.

tunya untuk subsidi dibazirkan kepada penerima tidak layak, menghakikan sumber untuk perkhidmatan awam lain.

"Penyelewengan itu juga memperluaskan jurang antara golongan kaya dan miskin kerana golongan kaya sering mendapat manfaat secara tidak adil daripada ketirisan program subsidi," katanya.

Didik rakyat sasar maklumat

Azali berkata, kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melancarkan kempen 'Kita Gempur' yang bertujuan memperkuat mekanisme penguatkuasaan dan meningkatkan kesedaran komuniti.

"Kempen seluruh negara dijalankan untuk mendidik rakyat untuk tampil menyalurkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti ketirisan dan manipulasi barangan subsidi atau barang kawalan dalam aktiviti perniagaan kepada pihak berkuasa.

Tambah beliau, agihan subsidi boleh dilaksanakan melalui kaedah digital seperti e-dompot atau kad pintar yang dikaitkan dengan kelayakan pendapatan dengan contoh seperti sistem subsidi berasaskan Aadhaar di India terbukti berkesan dalam mengurangkan rasuah dan kebocoran.

"Selain itu, kerajaan sentiasa memperkuat kawalan sempadan dan bekerjasama dengan negara jiran seperti Thailand dan Indonesia untuk membanteras aktiviti penyeludupan.

"Pemantauan pada peringkat akar umbi boleh dilakukan dengan menubuhkan kumpulan pemantauan komuniti untuk melaporkan aktiviti mencurigakan seperti penimbunan atau penjualan haram barangan bersubsidi.

"Orang ramai juga boleh meng-

Kempen seperti 'Kita Gempur' boleh dilaksanakan berdasarkan maklumat risikan yang dimiliki pihak berkuasa melalui intipan dan aduan orang ramai

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Penganalisis
Ekonomi Bank Muamalat
Malaysia
Berhad



gunakan aplikasi mudah alih atau talian hotline yang disediakan oleh KPDN untuk melaporkan sebarang pelanggaran," katanya.

Tambah beliau, orang ramai boleh menuntut ketelusan dalam agihan subsidi dengan meminta audit dan laporan awam secara berkala.

"Orang ramai juga boleh mendidik mereka yang terdekat seperti jiran dan rakan mengenai kepentingan melaporkan penyelewengan subsidi.

"Selain digalakkan mengutamaan pembelian barangan daripada peruncit dipercayai dan mematuhi undang-undang untuk menghalang perdagangan pasaran gelap," katanya.

Katanya, orang ramai juga boleh menghadiri bengkel atau acara program advokasi yang dianjurkan di bawah 'Kita Gempur' untuk mendapatkan pemahaman

lebih mendalam mengenai pembanteras kebocoran subsidi dan menjadi rakan kerjasama aktif dengan kerajaan.

Sementara itu, Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, menegaskan ketirisan subsidi, termasuk penyeludupan barangan bersubsidi seperti bahan api, memberi kesan besar terhadap kos sara hidup rakyat dan pembangunan negara.

Katanya, penyelewengan berkenaan berlaku disebabkan insentif untuk mendapatkan keuntungan besar akibat perbezaan harga ketara antara Malaysia dan negara jiran.

"Harga barangan bersubsidi di Malaysia, seperti petrol RON95, jauh lebih rendah berbanding negara lain. Perbezaan ini mendorong aktiviti penyeludupan yang memberikan pulangan lumayan kepada penyeludup.

"Ketirisan subsidi menyebabkan dana kerajaan yang sepatutnya memberi manfaat kepada rakyat dialihkan kepada pihak tidak bertanggungjawab.

"Kerugian akibat ketirisan ini adalah satu kos melesap kepada negara. Prasarana yang sepatutnya dibangunkan tidak dapat direalisasikan, sekali gus menjejaskan taraf hidup rakyat," katanya.

Beliau percaya, usaha memprogram aktiviti penyeludupan sentiasa diperhebatkan KPDN melalui kerjasama erat bersama agensi penguat kuasa kerajaan, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain.

"Kempen seperti 'Kita Gempur' boleh dilaksanakan berdasarkan maklumat risikan yang dimiliki pihak berkuasa melalui intipan dan aduan orang ramai.

"Tindakan tegas berdasarkan

undang-undang sedia ada perlu diambil untuk membanteras isu terbabit," katanya.

Beliau berkata, rakyat juga wajar untuk meningkatkan literasi kewangan masing-masing.

"Pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan taraf hidup rakyat.

"Kerajaan sentiasa menitikberatkan akses pendidikan berkualiti kepada anak-anak kerana ia adalah asas untuk pekerjaan atau perniagaan yang baik pada masa hadapan. Ekosistem ini penting untuk memajukan ekonomi negara secara menyeluruh," katanya.

Komitmen kerajaan

Sementara itu, Pegawai Pemasaran, Muhamad Azwan A Aziz, berkata inisiatif berkenaan menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan keadilan sosial, mengekang amalan tidak beretika, dan melindungi sumber negara.

"Langkah ini juga dapat memupuk keyakinan rakyat terhadap integriti dan ketelusan kerajaan.

Azwan berkata, sebagai rakyat Malaysia, kita mempunyai tanggungjawab bersama dalam menyokong usaha terbabit sekiranya mempunyai maklumat penyelewengan subsidi, ia perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa seperti KPDN.

"Elakkan diri daripada terbit dalam pembelian atau penjualan barangan bersubsidi secara tidak sah juga boleh dilakukan," katanya.

Pegawai Khidmat Pelanggan, Aidil Izzahar, berkata mana-mana pihak atau sesuatu organisasi boleh menjalin kerjasama strategik dengan KPDN untuk menyokong kempen kesedaran awam mengenai aktiviti manipulasi dan ketirisan subsidi melalui program pendidikan, seminar atau aktiviti komuniti.

Katanya, pihak KPDN menyediakan platform untuk aduan bagi memudahkan rakyat melaporkan secara selamat menerusi saluran aduan disediakan: WhatsApp (019-848 8000), talian aduan (03-8882 6088/03-8882 6245) dan www.mycc.gov.my/bm/e-aduan.

"Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab rakyat untuk melaporkan sebarang salah laku yang dikesan di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa, khususnya kepada KPDN.

"Tindakan ini bukan sahaja membantu mengekang aktiviti haram, tetapi juga memastikan manfaat subsidi disalurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan, sekali gus mengukuhkan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan." katanya.

Utamakan keselamatan nyawa, kebajikan mangsa banjir

PM arah NADMA perkemas penyelarasan jentera Pusat, negeri

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah dan Muhammad
Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua pihak bahawa keselamatan nyawa dan kebajikan rakyat di kawasan yang terjejas banjir, perlu menjadi keutamaan ketika bencana itu melanda sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) ini.

Susulan keutamaan itu, Perdana Menteri mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memperkemas penyelarasan jentera Kerajaan Persekutuan dan negeri sepanjang tempoh MTL melanda sejak 5 November lalu hingga Mac tahun depan.

Dalam makluman di Dewan Rakyat semalam, beliau memberitahu, banjir yang sedang melanda enam negeri ketika ini, menyaksikan Kelantan mencatatkan jumlah mangsa paling tinggi, berbanding Terengganu, Kedah, Perlis, Johor dan Perak.

"Saya juga ucapkan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, NADMA dan seluruh jentera termasuk kerajaan negeri yang memberi kerjasama persiapan lebih baik tahun ini," katanya.

Sementara itu, mengambil kira situasi banjir terkini yang kian meruncing, Perdana Menteri turut memutuskan menangguhkan dahulu program beliau yang dijadualkan berlangsung di Tasik Kenyir, Terengganu pada hujung minggu ini.

"Sempat ketemu Menteri Besar Terengganu (Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar) usai sesi soal jawab di Parlimen tadi, untuk berbincang terkait program kami di Tasik Kenyir hujung minggu ini. Mengambil kira situasi banjir terkini yang kian meruncing di Terengganu, saya memutuskan untuk menangguhkan dahulu rencana itu."

"Saat ini, kepedulian terhadap kebajikan rakyat yang terkesan dengan bencana ini menjadi keutamaan dan perlu diuruskan sebaiknya. Moga mangsa banjir di semua negeri terbahut terus tabah dalam menghadapi musibah



Ahmad Zahid mempengerusikan mesyuarat kecemasan bencana banjir di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Masjid, surau diminta adakan solat hajat

Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) memohon jasa baik pengurusan masjid dan surau di seluruh negara untuk mengadakan solat hajat mendoakan keselamatan dan kesejahteraan seluruh mangsa yang terjejas akibat banjir yang sedang melanda sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mi-

zan Zainal Abidin, Putrajaya yang berada di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengadakan solat hajat selepas Isyak malam tadi dan Solat Jumaat hari ini.

"Semua masjid dan surau Jumaat di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) turut mengadakan solat hajat pada waktu sama."

"Dalam situasi ini, semua pihak dimohon sentiasa berha-

ti-hati serta mematuhi arahan pihak berkuasa.

Semoga seluruh mangsa diberi ketabahan dengan dugaan dihadapi ketika ini.

"Penghargaan juga dizahirkan kepada petugas barisan hadapan terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan seluruh agensi yang bertungkus lumus membantu mangsa banjir," katanya.

kira-kira 214,000 mangsa.

"Jadi dalam keadaan (banjir) yang begitu, kerjasama semua pihak sudah dimobilisasikan (memastikan keselamatan serta kebajikan mangsa banjir)," katanya.

Ahmad Zahid berkata, pelbagai aset pasukan keselamatan turut digerakkan, antaranya 2,031 bot penyelamat, 1,399 kenderaan pacuan empat roda serta 31 buah helikopter.

Beliau turut mengarahkan semua agensi dan jabatan kerajaan menangguhkan segala mesyuarat atau kursus di Kelantan dan Terengganu yang kini dilanda banjir.

"Ini adalah bagi mengelakkan daripada mereka juga terkena bencana dan kita memohon agar hotel yang menjadi tempat penginapan diberikan keutamaan kepada pegawai dan anggota penyelamat tahun ini," katanya.

Mengenai situasi banjir di Kelantan, Ahmad Zahid berkata, beliau sudah berhubung dengan Menteri Besar, Datuk Mohd Nassuruddin Daud, bagi melancarkan operasi mengkoordinasi

kan banjir membabitkan Kerajaan Pusat dan negeri.

"Setakat ini, Kelantan adalah kawasan yang paling terjejas akibat banjir dengan daerah paling teruk adalah Pasir Mas dan Tanah Merah. Oleh itu, kombinasi kerjasama antara semua pihak amat diperlukan," katanya.

Beliau berkata, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga akan dibabitkan dalam usaha menghadapi banjir, memandangkan mereka memiliki pelbagai kemahiran yang dapat membantu, terutama di PPS.

Beliau berkata, tempat yang tidak didaftarkan sebagai PPS dibenarkan untuk dibuka sebagai penempatan sementara atas budi bicara pegawai daerah, bagi memastikan kebajikan setiap mangsa banjir terjaga.

"Sekiranya ada kawasan yang tidak dijangka dilanda banjir dan tiada PPS, kita benarkan tempat itu dibuka bergantung kepada kriteria yang diguna pakai oleh pengurusan jawatankuasa bencana pada peringkat daerah," katanya.

Terdahulu dalam jawapan di Parlimen, Ahmad Zahid berkata,

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah memaksimumkan 774 Fasiliti Penyimpanan Bantuan Bencana di seluruh negara pada September dan Oktober lalu sebagai persediaan menghadapi MTL tahun ini.

Katanya, dua jenis bantuan bencana turut disediakan Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan disalurkan oleh NADMA kepada semua negeri iaitu Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Wang Ihsan Kematian.

"Bantuan Wang Ihsan ialah sumbangan RM1,000 untuk ketua isi rumah yang terjejas akibat bencana dan berpindah atau berdaftar di PPS, manakala Bantuan Wang Ihsan Kematian ialah sumbangan RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana."

"Sekiranya berlaku banjir besar di luar jangka, NADMA bersedia untuk menyalurkan peruntukan tambahan mengikut permohonan oleh negeri berdasar kan jumlah sebenar ketua isi rumah yang terjejas akibat bencana," katanya.

Mengulas mengenai calon bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula 2 Disember ini hingga Februari depan, Ahmad Zahid berkata, Kementerian Pendidikan (KPM) sudah mengeluarkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) bagi membantu semua calon berkenaan ka mereka terjejas banjir.

"Saya juga minta mangsa banjir untuk memantau anak ketumusan banjir ini," katanya, memberi jaminan, keselamatan smpadan negara berada pada tahap tertinggi walaupun beberapa negeri sedang dilanda banjir. Beliau menegaskan, pertubuhan kewangan akan memantau keadaan di kawasan-kawasan yang terjejas banjir. Beliau juga meminta kerajaan negeri untuk memantau keadaan di kawasan-kawasan yang terjejas banjir. Beliau juga meminta kerajaan negeri untuk memantau keadaan di kawasan-kawasan yang terjejas banjir. Beliau juga meminta kerajaan negeri untuk memantau keadaan di kawasan-kawasan yang terjejas banjir.

Transformasi penyampaian perkhidmatan digital kerajaan

Chatbot pintar wadah baharu pacu pendigitalan

Oleh Ts Meor Mohd Shahrulnizam Meor Sepili
Bahagian Kerajaan Digital,
Jabatan Digital Negara

Tahun 2040. Bayangkan senario fiksi ini: "Jom! Malam ni kita movie night," kataku sambil mencari-cari alat kawalan jauh televisyen di celah sofa.

"Malam ni kita nak tengok cerita apa baba?," jawab Mawar.

"Eh, alamak! baba terlupa nak daftar sekolah Mawar. Tarikh tamat minggu depan! Kejap ya..."

Terus aku mencapai telefon pintar dan memberikan arahan suara, "Hi AI@JDN, aku nak daf-tarkan sekolah Mawar."

AI@JDN: "Hi, Nizam! Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan dalam *secure vault* anda, Mawar akan berumur tujuh tahun pada tahun hadapan. Sekolah terdekat dengan lokasi tempat tinggal anda adalah di Presint 32(a). Adakah anda ingin meneruskan pilihan ini?"

Perkhidmatan kerajaan bukan sahaja di hujung jari, malahan di hujung bicara. Kedengaran utopia. Namun, ia tidak mustahil.

Pada ketika itu, tahap pencapaian perkhidmatan kerajaan dalam talian sepenuhnya (E2E) dan platform integrasi MyGDX (Malaysian Government Central Data Exchange) yang dipantau dan disediakan oleh Jabatan Digital Negara (JDN) telah pun menemui matlamatnya.

Dunia kini sedang dilanda fenomena chatbot generasi terbaharu yang dikuasakan oleh ke-pintaran buatan atau model bahasa raya (*Large Language Model* [LLM]) yang jauh lebih bijak.


Agensi penyelidikan Gartner Inc menyatakan chatbot yang dikuasakan oleh LLM ini akan menjadi saluran perkhidmatan pelanggan pilihan utama oleh sepertiga daripada organisasi ka-jiannya menjelang 2027.

Chatbot ini jauh mengatasi ke-kangan teknologi AI terdahulu, yang dilihat mampu menyamai pesona seorang pegawai khidmat pelanggan manusia.

Faedah chatbot pintar dalam perkhidmatan kerajaan:

- Saluran baharu perkhidmatan kerajaan yang sentiasa tersedia:

Chatbot 24/7 akan sentiasa ber-sedia melayani keperluan pelang-



gan tanpa batasan masa dan lo-kasi.

Ini membolehkan rakyat men-dapatkan perkhidmatan kerajaan terpilih tanpa terikat kepada waktu operasi standard pejabat kerajaan, justeru menjimatkan kos dan waktu.

Saluran maklumat baharu ini juga boleh dimanfaatkan se-penuhnya supaya dapat menyalur-kan maklumat terkini secara in-

teraktif mengenai bantuan kera-jaan, dasar dan garis panduan se-jurus selepas dilancarkan ke-pada rakyat.

- Pengalaman hospitaliti di-peribadikan:

Chatbot boleh dilatih untuk menampilkan perwatakan atau pesona seorang pegawai khidmat pelanggan yang cekap dan mesra pelanggan.

Penambahbaikan persona ber-

terusan berdasarkan demografi dan maklumat pelanggan men-janjikan pengalaman keseluru-han yang lebih bermakna dan dekat dengan rakyat.

- Pengoptimuman kos:

Daripada aspek pengoperasian kerajaan, automasi interaksi pe-langgan yang bersifat rutin dapat mengurangkan kos operasi ke-seluruhan secara signifikan, sa-ma ada daripada aspek kapasiti, lokasi fizikal mahupun masa ope-rasi.

Sokongan chatbot juga dapat mengurangkan risiko lesu upaya operator manusia dalam ekosis-tem hibrid manusia-chatbot.

Penggunaan chatbot dalam perkhidmatan kerajaan boleh menawarkan pelbagai manfaat. Sebagai contoh:

- Hebahan maklumat:

Chatbot berpotensi dijadikan sebagai saluran *omnichannel* ba-haru bagi hebahan mengenai gar-is panduan, kekeliling, perkhid-matan dan garis panduan kera-jaan.

Rakyat boleh berinteraksi de-ngannya seolah-olah seperti se-dang berkomunikasi mesra de-ngan seorang pegawai khidmat pelanggan.

Contohnya, baru-baru ini, Pe-kehliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, Pelaksanaan Sis-tem Saran Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sudah dike-luarkan oleh Jabatan Perkhid-matan Awam (JPA).

Pertanyaan mengenai doku-men 1000 muka surat ini mampu ditangani dengan baik oleh chat-bot.

- Agen perkhidmatan kera-jaan dalam talian:

Ketersediaan ekosistem E2E dengan integrasi MyGDX membolehkan rakyat melaksana-

kan urusan kerajaan (pendafta-ran, permohonan, pembayaran) melalui antaramuka chatbot yang ringkas dan mesra peng-na seolah-olah berurusan de-ngan pegawai khidmat pelang-gan di kaunter, 24/7.

- Aduan dan kaunseling:

Chatbot boleh berperanan se-bagai saluran untuk menangani aduan awam secara automatik dan memberikan kaunseling asas kepada pengguna.

Sebagai contoh, chatbot yang diintegrasikan dengan sistem pengurusan aduan seperti Sis-tem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) boleh membantu peng-guna melaporkan masalah dan mendapatkan maklum balas se-gera mengenai status aduan me-reka.

Ini memudahkan penyelesaian isu secara efisien tanpa memer-lukan interaksi manusia yang berterusan.

- Penjanaan teks:

Antara penggunaan paling po-pular LLM adalah untuk mem-buat rumusan dokumen seperti penulisan laporan, surat rasmi, minit mesyuarat, dan ringkasan dokumen. Fungsi ini boleh di-salurkan melalui antaramuka chatbot yang mesra pengguna.

JDN peneraju transformasi pendigitalan

JDN sentiasa komited dan kon-sisten meneroka potensi tekno-logi baharu. Ini termasuk menerusi pengenalan AI@JDN, satu inovasi chatbot pintar di portal rasmi Jabatan Digital Negara.

Chatbot yang dibangunkan se-cara dalam sepenuhnya ini menjawab persoalan-persoalan mengenai perkhidmatan yang di-tawarkan JDN.

Skop maklumat AI@JDN sen-tiasa dikemaskini secara berpe-ringkat dari semasa ke semasa, sehinggalah ia bakal menjadi sa-tu medium komunikasi maklu-mat holistik mengenai ekosistem pendigitalan sektor awam.

AI@JDN yang diperkenalkan oleh JDN hanyalah satu pencetus revolusi bagi pengembaraan tran-sformasi digital sektor awam.

Memanfaatkan kecerdasan buatan, AI@JDN bukan sahaja menetapkan piawaian baharu, bahkan ia merintis landskap ba-haru pengalaman hospitaliti per-khidmatan kerajaan yang sentia-sa tersedia, lebih cekap, serta cakna kepada denyut nadi dan suara rakyat.

Secara keseluruhannya, tekno-logi chatbot dikuasakan oleh ke-pintaran buatan ini berpotensi cerah dalam merealisasikan visi perkhidmatan kerajaan Mala-ysia yang lebih inklusif dan maju.

CLOGGED DRAINS

'FLASH FLOODS MOSTLY DUE TO SANITATION ISSUES'

29/11
NSP

Time to increase public awareness of importance of cleanliness, says deputy minister

KUALA LUMPUR

MOST flash floods that occur in the country are caused by sanitation issues such as clogged drains and drainage systems, says Deputy Housing and Local Government Minister Datuk Aiman Athirah Sabu.

She said the matter required public awareness at the community level to jointly address the issue of flash floods.

"It is a wake-up call... like the recent flooding (occurring) in Kuala Lumpur and the real issue is clogged drains. So if we can increase public awareness (on the importance of cleanliness), that would be great," she said during a question-and-answer session in the Dewan Rakyat yesterday.

She was replying to a supplementary question from Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) on the efforts taken by the Housing and Local Government Ministry together with other government agencies to resolve the flood issue in the long term.

Wan Razali also wanted to know whether the ministry was prepared to use a drainage system or water diversion technology like in Japan to overcome flash floods. To this, Aiman Athirah said the matter was being considered.

"It costs a lot of money, but that's fine because that is something we pay attention to from time to time to improve our work in dealing with the problem of flash floods."



Datuk Aiman Athirah Sabu

To strengthen the effectiveness of flash flood management, Aiman Athirah said, the government had allocated funds to local authorities to upgrade drainage systems in flood "hotspots".

She said these included projects to maintain flood reservoirs and drainage systems, at a cost of RM50 million and RM20 million, respectively, this year. **Bernama**



Vehicles stranded in floodwaters in Kuala Lumpur in August. NSTP
PIC BY ASWADI ALIAS

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 29 NOV 2024

MAKKAH AL-MUKARRAMAH CONVENTION

MALAYSIA SIGNS OIC ANTI-CORRUPTION PACT

It promotes info exchange, expertise-sharing and capacity-building, says MACC

KUALA LUMPUR

MALAYSIA is among the first 21 Organisation of Islamic Cooperation (OIC) member states to sign the Makkah Al-Mukarramah Convention.

In a statement yesterday, the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) said the convention was a cooperative anti-corruption agreement that promotes information exchange, expertise-sharing and capacity-building among OIC member states.

The signing took place during the Second Ministerial Meeting of Anti-Corruption Law Enforcement Agencies in OIC Member States, held in Doha, Qatar, from Nov 26 to 27.

The Malaysian delegation was led by Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said.

"Malaysia is proud to be among the first countries to sign the Makkah Al-Mukarramah Convention, which aligns with our commitment to the United Nations Convention Against Corruption," MACC said.



Malaysia recently reiterated its commitment to fighting corruption at the Second Ministerial Meeting of the Anti-Corruption Law Enforcement Agencies in OIC Member States in Doha, Qatar. PIC COURTESY OF MACC

During the meeting, Azalina reaffirmed Malaysia's strong commitment to combating corruption, highlighting the launch of the National Anti-Corruption Strategy 2024-2028.

She also shared Malaysia's progress in the Corruption Perceptions Index, where the country improved to 57th out of 180 nations last year.

The government also announced several measures to enhance transparency and governance, including the introduction of the Freedom of Information Act, amendments to the Whistleblower Protection Act, and proposals for Deferred Prosecution Agreements, to tackle corporate corruption.

The Malaysian delegation also held discussions with Professor

Slagjana Taseva, Dean of the International Anti-Corruption Academy (IACA), to explore strategic collaborations, including plans to host the IACA Regional Summer Academy here next year.

"This meeting reflects the significant trust placed in Malaysia, as evidenced by Azalina's appointment as president of the IACA Assembly of Parties and the reappointment of Tan Sri Azam Baki to the IACA Board of Governors for the 2024-2027 term," MACC added.

Malaysia's participation in the convention reinforces the nation's commitment to working with OIC member states to promote transparency, accountability and integrity on the global stage.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 29 NOV 2024

Selangor first to launch Care Economy Policy

SHAH ALAM: Selangor has become the first state to launch the Care Economy Policy as part of its efforts to address the challenges posed by an ageing population.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the policy focuses on five key areas: advocacy and promotion; governance and regulation; trained carers and workforce; investment and collaboration; and innovation, technology and data.

He said the initiative, which will run until 2030, aims to address elderly care, childcare and support for people with disabilities, strengthening both formal and informal caregiving communities.

He also said 8.1% of the state's population is aged 65 and above, Bernama reported.

"Although Selangor ranks fifth in terms of the percentage of its elderly population, after Perak, Kedah, Sarawak and Perlis, it has the highest total number due to its dense population of 7.36 million," he said after launching the policy at Wisma Dewan Negeri Selangor here on Wednesday.

Amirudin said Kuala Selangor, Sepang and Hulu Langat have the highest proportions of elderly residents in the state.

He also said the policy includes the involvement of state agencies and local authorities to facilitate training and

recognition for informal carers, particularly those who look after children or elderly family members at home.

He added that next year, the state government would host the Selangor Care Economy Summit, bringing together experts in childcare, elderly care and nutrition, as well as other stakeholders.

"The aim is to ensure that those involved in the care economy are recognised for their vital roles, including through fairer compensation."

"I hope the full implementation of the Selangor Care Economy Policy would benefit the elderly, children, people with disabilities, caregivers and the people of Selangor."

THE SUN
29 NOV 2024

Tarikh:

'Most flash floods due to sanitation issues'

KUALA LUMPUR: Most flash floods that occur in Malaysia are due to sanitation issues, such as clogged drains and drainage systems, said Deputy Housing and Local Government Minister Datuk Aiman Athirah Sabu.

"The real issue is clogged drains, so if we could increase public awareness (on the importance of cleanliness) that would be great," she said at Dewan Rakyat yesterday.

She was answering a supplementary question by Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) on the findings of the Housing and Local Government Ministry's planning with other government agencies to resolve the flood issue.

Responding to a question by Wan Razali's, who also wanted to know whether the ministry is prepared to use a drainage system or water diversion technology similar to that in Japan to address the problem of flash floods, she said the matter is being considered.

"It costs quite a lot of money but that is okay because that is something we pay attention to from time to time to improve our work in dealing with the problem of flash floods." - Bernama

THE SUN
29 NOV 2024

Tarikh:

'Many avoid help due to social stigma'

► Individuals with mental health issues silently bear emotional burden for fear of being perceived as weak, says expert

PUTRAJAYA: Social stigma surrounding mental health issues, which associates them with weakness or a lack of willpower, remains prevalent in society, causing many individuals to silently bear their emotional burden.

Universiti Sains Malaysia School of Educational Studies dean Assoc Prof Dr Rahimi Che Aman said this issue is particularly prevalent among young people and university students.

"Despite being aware of the availability of counselling services, many hesitate to seek treatment, fearing that they will be perceived as weak."

"While awareness is present, there is still a significant gap in the courage to seek help. The social stigma, which brands individuals who seek treatment as 'weak' or 'abnormal', remains one of the most significant barriers," said Rahimi at the "Prioritising Mental Health and Well-Being Forum," held in conjunction with the Putrajaya Festival of Ideas (Putrajaya FOI) here on Wednesday.

The forum, which lasted over two hours, was facilitated by Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad and featured four panellists who are experts in psychological services, counselling, and clinical psychology.

Rahimi, who is one of the panellist, further emphasised that limited access to mental health services, especially in rural areas, poses a significant challenge for individuals seeking proper care.

Despite the availability of various assistance agencies such as the Social Welfare Department and the National Population and Family Development Board in major cities, individuals in rural areas or from the B40 group often encounter significant barriers to accessing mental health treatment.

"These challenges are not just geographical; they also involve economic factors, a lack of facilities, and the mismatch between available services and the specific needs of these communities," she said.

Psychospiritual Institute clinical psychologist and co-founder Mohd Akif Farhan Ahmad Basri emphasised that mental health issues arise from a variety of factors, and are not solely attributed to work-related stress. Past

trauma also plays a significant role in shaping one's mental well-being.

"Sometimes, these problems are layered. For instance, a recent graduate may secure a job, but the salary is insufficient, leading to financial instability. This lack of security can trigger emotional imbalances," he said.

"It's not a matter of weakness or failure; it's a reflection of the challenges we face in a complex world. What we need is a robust support system for mental health, one that not only focuses on treatment, but also emphasises education and social support," he added.

Earlier, in his keynote address, Dzulkefly highlighted that mental health has become one of the most pressing challenges facing the global community, including Malaysia, Bernama reported.

He referenced statistics from the World Health Organisation, which indicate that between 10% and 20% of

the global population will experience mental health disorders at some point in their lives. This means that one in every 10 people, or more, will face mental health challenges, which can range from conditions such as anxiety and depression.

Dzulkefly also cited data from the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023, revealing that one million Malaysians, or 4.6% of the population aged 15 and above, are suffering from depression. The survey further showed a disturbing trend, with the number of people suffering from depression having doubled since the 2019 NHMS.

The Putrajaya FOI is being held at the Putrajaya International Convention Centre from Wednesday until today. The event gathers over 80 leaders, subject matter experts, academics, and industry professionals, on stage for forums and parallel sessions through the Malaysia Ideas Conference.

THE SUN
Tarikh: 29 NOV 2024